

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5 2025

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 Jam 30 Minit

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

ARAHAN :

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A** , **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) berdasarkan Teks komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
6. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	8	
	2	6	
	3	11	
	4	4	
	5	6	
B	6	13	
	7	12	
	8	10	
C	9	30	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Join telegram @exercise_students

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Aktiviti pengeluaran plastik global yang terus meningkat dan pengurusan sisa yang tidak betul telah menyebabkan sisa plastik termasuklah mikroplastik menjadi perkara biasa dalam alam sekitar. Mikroplastik boleh dihasilkan secara sengaja bagi produk tertentu atau terhasil daripada pemecahan barangan plastik yang lebih besar. Kehadiran mikroplastik yang berterusan dalam alam sekitar adalah amat membimbangkan kerana mikroplastik akan mengancam ekosistem dan menimbulkan masalah kesihatan yang serius. Buktinya, mikroplastik pernah dikesan di dalam tisu dan organ manusia. Pendedahan berterusan terhadap bahan kimia ini sudah terbukti membahayakan kesihatan manusia dalam jangka masa yang panjang.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Ancaman Mikroplastik yang Semakin Meningkat'
Sahabat Alam Malaysia, 7 Oktober 2024

[8 markah]

- 2 *Nyatakan pola ayat-ayat yang bergaris dalam petikan di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS). Anda dikehendaki menyalin ayat itu semula.*

Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh. Kubah Utama di Balai Cerap Telok Kemang menempatkan teleskop terbesar di Malaysia. Ukuran diameter lensa teleskop tersebut ialah 24 inci dan teleskop ini begitu canggih binaannya. Teleskop yang sangat moden ini membolehkan pelbagai objek langit diperhatikan. Kawasan Kubah Utama berdiameter 6.7 meter dan dapat menampung seramai 25 orang pada satu-satu masa. Di Kubah Matahari, teleskop khas digunakan untuk melihat dan merakam imej matahari.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

Join telegram @exercise_students

[5 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang telah dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1



Hore!

PP5G3, bagaimana dengan sistem mengesan dalam kes penggodaman kita semalam? Ada sebarang masaalah?

Oh, kes selesai kapten! Penggodam telah ditangkap dan ditemu duga. Nasib baik Rob-My 1 dapat mengesan kerja jahat mereka dengan laju.

Kapten, panggilan kecemasan diterima daripada Kedah! Dua orang remaja yang mendaki Gunung Jerai dilaporkan tidak dapat dikesan. Pasukan Bomba dan Penyelamat telah pun bersiapsiaga ke lokasi,

PP5G3, hubungi G-5AT. Minta bantuan mereka supaya mengenal pasti lokasi mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*.

[6 markah]

Bahan 2

Media baharu ialah media yang melalui proses peralihan teknologi komunikasi digital yang berpaksikan Internet. Antara contoh media baharu ini termasuklah blog, media pelayar video, laman web, dan aplikasi bacaan secara dalam talian. Kemunculan media baharu ini menyebabkan golongan muda terdedah kepada pelbagai perkara yang diketengahkan oleh golongan pengengaruh (influencer) atau seseorang yang mempengaruhi orang lain.

Seseorang itu mudah untuk menjadi terkenal kerana ekosistem sosial media yang bersifat bebas. Mereka menjadi pengengaruh melalui pelbagai-bagai cara. Contohnya, seseorang yang mempunyai kemahiran memasak akan memanfaatkan kemahiran tersebut untuk menarik wargamaya mengikuti aktiviti mereka. Pengengaruh yang mempunyai lebih tertentu akan dapat menarik jumlah pengikut yang ramai.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Lambakan Pengengaruh: Cerminan dan Hala Tuju'
oleh Nur Afifah Md. Ali Vejaya,
Dewan Masyarakat, Bil. 3/2022.

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?

Maka baginda pun murka sedikit akan Temenggung. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah.

Maka titah baginda, “Hai kekasihku Laksamana, datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian; masing-masing mengadakan halnya kepada kita.”

Dipetik dan diubah suai daripada “*Kepimpinan Melalui Teladan*”
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan telitinya dan kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan perenggan tersebut.*

Ibu bapa perlu menerapkan amalan menabung dan berjimat cermat dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Ibu bapa juga perlu menjadi teladan terbaik kerana anak-anak biasanya akan mengikut apa-apa sahaja yang diamalkan oleh orang tuanya. Seawal usia terbabit, ibu bapa perlu mengajar anak-anak untuk menyimpan sebahagian daripada wang saku mereka. Hal ini dapat memupuk rasa tanggungjawab dalam diri anak-anak, sekali gus dapat menjauhi sikap suka membazir. Malah perkara ini akan menjadi kebiasaan dan anak-anak tidak kekok untuk menabung apabila dewasa.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
[35 markah]

- 6 Baca **bahan 1** dan **bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memperuntukkan sejumlah RM750,000 bagi membangunkan Gua Sireh di Baling sebagai lokasi pelancongan baharu di negeri Kedah. Antara kemudahan yang akan dinaik taraf di sini ialah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter dan pagar di dalam gua, penambahbaikan fasiliti, serta pembelian peralatan gua dan insurans. Gua Sireh akan menjadi tarikan pelancong kerana panoramanya yang sangat menakjubkan.

Destinasi pelancongan itu kini menjadi sumber pendapatan baharu kepada penduduk kampung yang rata-ratanya bekerja sebagai penoreh getah. Penduduk kampung turut menjadi pemandu arah kepada pengunjung dengan menunjukkan kawasan yang cantik dan sesuai untuk bergambar sebagai kenang-kenangan

Dipetik dan diubah suai daripada
'Gua Sireh Tarikan Baharu Pengunjung ke Baling'
oleh Noorazura Abdul Rahman,
www.bharian.com.my, 11 Januari 2023

Bahan 2

Gua Tempurung sering menjadi tumpuan pengguna Lebuhraya Utara Selatan. Gua sepanjang tiga kilometer ini dahulunya merupakan tempat penduduk di sini melombong bijih timah. Semasa zaman perang, Gua Tempurung menjadi tempat askar Jepun menyembunyikan diri. Selepas zaman perang tamat, komunis pula menjadikan gua ini sebagai laluan rahsia mereka untuk melarikan diri daripada askar Melayu. Gua ini kini sudah dilengkapi dengan platform, lampu, dan tempat letak kenderaan.

Terdapat beberapa pakej yang disediakan untuk pelancong yang hendak memasuki gua ini. Demi keselesaan pengunjung, pembaikpulihan Gua Tempurung telah dilakukan agar lebih mesra pengunjung termasuk kanak-kanak. Jika pengunjung berhasrat untuk masuk ke dalam gua dan melihat keadaan di dalamnya sahaja, mereka tidak perlu memakai pakaian sukan dan kasut khas.

Dipetik dan diubah suai daripada
jomjalan.com.my, 12 Januari 2023

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan manfaat pembangunan Gua Sireh kepada penduduk tempatan.

[2 markah]

- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kemudahan-kemudahan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke kedua-dua lokasi tersebut.

[3 markah]

- iii) Gua Tempurung sering menjadi tumpuan pengguna Lebuhraya Utara Selatan. Gua sepanjang tiga kilometer ini dahulunya merupakan tempat penduduk di sini melombong bijih timah semasa zaman perang,

Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan beriadah di kawasan gua?

[4 markah]

- iv) Fazura ingin menikmati keindahan di dalam Gua Tempurung tetapi dia berasa takut dan tidak mahu memasuki gua tersebut.

Jika anda ialah rakan Fazura, apakah cadangan yang dapat anda berikan untuk mengatasi masalah rakan anda itu?

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Nama sebenar murid lelaki yang bernama Aiman itu ialah Aiman Aqil. Dia bangga akan nama itu, nama yang diberikan sebaik-baik sahaja renekan pertama memecah kesunyian di bilik bersalin. Pada Ketika itu, Sang Suria memuncaki ubun-ubun.

Betapa tak bangganya? Aiman bermaksud insan yang beriman. Aduh, terukir senyuman lebar menabiri wajahnya! Aqil pula bermakna yang berakal. Insan dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang, berbeza daripada haiwan. Kebanggaannya kian menguntum dan terkelopak kembang mawar mewangi menyentuh deria penghiduan.

“Objek yang terlambung di udara pasti akan terjatuh ke bumi kecuali tersangkut di dahanan utuh ataupun reranting teguh.” Ketawa berderai meriuhkan suasana kelas.

Perlahan-lahan Aiman bangun. “Newton ambil ingatan akan daya graviti dapat menetapkan kedekatan bulan dengan bumi.”

“Maksudnya?” Satu lagi pertanyaan terlantun daripada Cikgu Faridah, yang menggelari dirinya profesor, kerana yang didepaninya murid pintar dan mempunyai IQ yang tinggi.

“Alam semesta sebaik-baik kejadian pada sisi Allah Taala.” Riuh gemuruh terus berterusan menyambut jawapan ringkasnya.

Wajah Cikgu Faridah spontan berubah, memercikkan darah amarah yang nampaknya macam tidak terkawal, tidak terbatal. Sedar akan hakikat itu, cepat-cepat Aiman membetulkan jawapannya.

Dipetik daripada cerpen *Hipertensi*,
Antologi Sejadah Rindu, Kementerian Pendidikan Malaysia.

BEBERAPA PETUA HIDUP

Fikir dan Kata
Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,
Boleh ditimpa bahaya besar.

Silang Sengketa
Siapa menggemari silang sengketa,
Kelaknya pasti berdukacita.

Silang selisih jangan dicari,
Jika tersua janganlah lari.

Ilmu
Jikalau ilmu tiada sempurna,
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikejar,
Asal mahu rajin belajar.

ZA'BA
Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan sebab-sebab Aiman berbangga dengan nama sebenarnya.

[2 markah]

- ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan jika tidak berfikir dahulu sebelum berkata-kata.

[3 markah]

- iii) Lidah lebih tajam daripada mata pedang. Peribahasa tersebut jelas menunjukkan kata-kata seseorang boleh menggores perasaan orang lain.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga tutur kata ketika berbicara?

[3 markah]

- iv) Dalam Bahan 1, Aiman digambarkan seorang murid yang pintar dan mempunyai IQ yang tinggi.

Sebagai sahabat baik Aiman, nyatakan cadangan-cadangan anda untuk memastikan potensi murid genius seperti Aiman berkembang dengan baik.

[4 markah]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Jadi secara umumnya anda mencadangkan yang Majlis Daerah Kuala Selangor perlu melakukan penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar ini?" Dato' Haj Mustofa al-Hamidi bertanya lanjut.

"Ya, dan bukan itu sahaja. Majlis Daerah Kuala Selangor juga perlu merancang semula setiap pelan pencahayaan di bandar ini dan melaksanakannya dalam tahun kewangan yang akan datang, iaitu tahun hadapan," jelas Muhammad Taufik.

Dato' Haji Mustofa berdiam diri untuk berfikir.

"Selain itu, sebagai persediaan projek ini, premis-premis komersial perlu dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin di tebing Sungai Selangor, sekurang-kurangnya 10 kilometer."

"Tunggu," kata Dato' Haji Mustofa.

"Persediaan untuk apa?"

"Akhirnya Dato' juga diharap dapat meneliti cadangan kami untukewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap, iaitu yang pertama dalam negara kita," kata Muhammad Taufik, menamatkan pembentangan.

Dipetik daripada *novel Bimasakti Menari*
oleh Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Muhammad Taufik berdasarkan petikan.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azman Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Bebi Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan kepentingan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca petikan dan bahan grafik di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) akan perlahan-lahan mengukuhkan pasaknya dalam dunia yang sedang didominasi oleh era digitalisasi. Dalam sektor kerajaan, AI dapat meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan kepada orang awam. Misalnya, penggunaan Chatbot AI dalam sistem sokongan pelanggan dapat mempercepat masa tindak balas terhadap pertanyaan dan aduan. Automasi proses melalui AI dapat membantu untuk mengurangkan kos operasi kerajaan dan meminimumkan pembaziran sumber juga seperti kertas, cetakan, masa, dan tenaga. Dalam sistem keselamatan awam seperti pengenalan wajah dan pengesanan jenayah pula, AI dapat memperketat keselamatan dan keamanan negara. Dengan penggunaan kamera dron AI, tugas rondaan dan risikan penguat kuasa pejabat tanah, kastam, imigresen, dan polis menjadi lebih mudah dan efektif.

Di sebalik kecanggihan teknologi AI, menurut Laporan Masa Depan Pekerjaan Forum Dunia 2023, AI akan memberikan ancaman yang besar terhadap hampir semua pekerjaan. Untuk menghadapi ancaman AI, beberapa langkah perlu diambil oleh majikan demi kelestarian dan kejayaan organisasi. Antara langkah yang perlu diambil oleh pihak terbabit termasuklah menyusun program latihan khusus tentang konsep AI, cara AI berfungsi, dan cara AI dapat diterapkan dalam persekitaran pekerjaan. Latihan teknikal amat penting untuk memastikan pekerja memiliki kemahiran untuk berinteraksi dengan sistem AI. Selain itu, kemahiran inovatif dalam kalangan pekerja harus diberikan tumpuan. Latihan kemahiran ini dapat membantu pekerja untuk memahami cara mengaplikasikan teknologi AI, sekali gus meningkatkan mutu produk, perkhidmatan, atau proses kerja.

Langkah selanjutnya, pihak terbabit perlu mempertimbangkan penggunaan AI untuk memantapkan pengurusan sumber manusia. AI penting untuk menyelaraskan pekerja dengan tugas yang sesuai berdasarkan kekuatan dan kebolehan para pekerja. Hal ini bukan sahaja dapat memberikan kepuasan kepada pekerja, tetapi juga mendatangkan faedah kepada organisasi. Majikan harus memastikan pekerja memahami etika dan tanggungjawab yang terlibat dalam teknologi AI. Antara perkara yang perlu dititikberatkan termasuklah privasi data, ketelusan dalam penggunaan algoritma, dan keputusan AI. Kebolehan pekerja untuk beradaptasi dengan AI merupakan kunci kejayaan untuk mengekalkan daya saing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Perisian dan Kecerdasan Buatan Menyokong Automasi Kerja"
oleh Muhamad Yunus Sharum, *Dewan Kosmik*, Bil. 07/2023

Bahan 2



Program pembelajaran sendiri dalam talian untuk meningkatkan kesedaran tentang “Kecerdasan Buatan”- ‘Artificial Interligence (AI)’


Memberikan penjelasan tentang AI kepada semua lapisan masyarakat yang berminat untuk mempelajari dan ingin membina “Minda Digital”

Dibahagikan kepada 2 bahagian :
‘Kesedaran AI’ atau turut dikenali sebagai ‘AI Aware’
‘Hargai AI atau ‘AI Appreciate’

Tersedia dalam 4 bahasa dan keseluruhan kandungannya serasi dengan pelbagai aplikasi cakap balik, menjadikannya dapat diakses sepenuhnya oleh orang kurang upaya penglihatan.

Konsisten dan teliti, tepat dan efektif, tidak bias, serta tiada kesalahan manusia.

Bahan 3



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT